

20/10/1997

Pernas bantu perolehi lebih tukaran asing

Mutazar Abd Ghani

PERNAS International Holdings Bhd (PIHB), kumpulan berasaskan pelbagai kegiatan, merancang memperluaskan kawasan tanaman kelapa sawitnya dalam usaha membantu kemasukan pertukaran asing ke negara ini berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Sehubungan itu, Pengerusi PIHB, Tunku Tan Sri Shahrman Tunku Sulaiman, berkata pihaknya bercadang menambah 10,000 hektar lagi kawasan tanaman komoditi itu untuk menjadi 30,000 hektar.

Menurutnya, dengan pertambahan eksport kelapa sawit, Malaysia akan berupaya memperolehi lebih banyak pertukaran asing, sekali gus membantu mengukuhkan semula mata wang tempatan.

Menerusi anak syarikat yang juga bahagian peladangan kumpulan PIHB - Tradewinds (M) Bhd, kumpulan itu kini memiliki kawasan tanaman kelapa sawit seluas 21,362 hektar, dengan tanaman matang seluas 13,566 hektar.

Komoditi seperti kelapa sawit, getah asli dan timah ketika ini menikmati keuntungan dan harga memberangsangkan berikutan kenaikan mendadak dolar Amerika. Pada minggu pertama bulan ini, harga kelapa sawit mencecah RM1,600 satu tan metrik.

"Saya akan menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi melahirkan hasrat kumpulan untuk membantu negara memperolehi lebih banyak pertukaran asing," kata Tunku Shahrman selepas pelancaran rasmi penjualan Bandar Seri Putra oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Perbandaran Selangor, Datuk Fuad Hassan, di Kuala Lumpur, kelmarin.

Bandar Seri Putra di tapak seluas 359.2 hektar di Bangi dimajukan oleh Bangi Heights Development Sdn Bhd, anak syarikat United Malayan Land Bhd (UMLand), yang juga ahli Kumpulan PIHB.

Rancangan PIHB untuk memperluaskan kawasan tanaman kelapa sawit itu juga mempunyai kaitan dengan pelbagai insentif yang diumumkan dalam Belanjawan 1998 Jumaat lalu, dalam usaha kerajaan menggalakkan eksport dan mengurangkan import.

Belanjawan tahun depan mencadangkan syarikat di sektor pertanian dan perkhidmatan diberikan pengecualian 10 peratus daripada nilai peningkatan eksport, tanpa mengira tahap pencapaian nilai ditambah.

Tunku Shahrman berkata PIHB juga bercadang membeli dua lot kedai di London yang akan menempatkan ejen pelancongannya bagi mempromosikan Malaysia, yang kini menjadi semakin menarik sebagai destinasi pelancongan berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Mengenai Bandar Seri Putra, beliau berkata pihaknya akan membangunkan vila perkhidmatan di projek terbabit secara usaha sama dengan DBS Land dari Singapura.

"Kita sudah selesai berunding mengenai penjualan tapak seluas 14.99 hektar di Bandar Seri Putra kepada DBS Land, yang akan membangunkan sebagai vila perkhidmatan berprestij menggunakan konsep Stamford Residences yang dilaksanakan di Singapura, Jakarta dan beberapa lokasi di rantau ini," katanya.

PIHB akan memegang 40 peratus kepentingan dalam projek vila terbabit, kata beliau sambil menambah, permohonan kepada pihak berkuasa mengenai projek itu akan dibuat tidak lama lagi.

(END)